



MAJLIS BANDARAYA IPOH

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	<p><u>NO. TENDER</u> T0002/24</p> <p><u>NO. RUJUKAN</u> F6/2/1/1/24</p> <p><u>TAJUK</u> PENURAPAN SEMULA JALAN UTAMA BANDAR SERI BOTANI BERMULA DARI LAMPU ISYARAT SERI MARGOSA KE LAMPU ISYARAT JALAN LAHAT-SIMPANG PULAI, IPOH</p>	<p>(TERBUKA) GRED: G4</p> <p>KATEGORI: CE</p> <p>PENGGHUSUSAN: CE21</p>	<p><u>TARIKH JUAL</u> 06 FEBRUARI 2024 (SELASA)</p> <p>HINGGA 26 FEBRUARI 2024 (ISNIN)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM50.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.</p>	<p><u>TARIKH TUTUP</u> 27 FEBRUARI 2024 (SELASA) 12:00 TENGAH HARI</p> <p><u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER</u> PETI TENDER/SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen tender dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen tender yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen tender dan memuat turun dokumen akan ditutup pada jam 12.00 tengah malam 26 FEBRUARI 2024 (ISNIN). KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat **Dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) 3 bulan sebelum tamat tempoh dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB 60 hari sebelum tamat tempoh.**

5. Petender mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya petender mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

6. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

7. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Tender setelah Peti Tender/Tender dibuka.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH